

OR.16126: MALAY TEXT AND ENGLISH TRANSLATION

Malay text:

Nur al-shams wa-al-qamr

Bahawa ini surat menyatakan tulus dan ikhlas serta suci putih hati hening dan jernih yang tiada menaruh syak dan waham di dalamnya selagi ada peridaran cakrawala matahari dan bulan perkitaran malam dan siang thabit jua 'ala al-dawam iaitu daripada saya Engku Temenggung Seri Maharaja Johor yang ada bertakta kerajaan kuasa memerintahkan kepada masa ini di dalam negeri Johor dar al-aman wa-al-ihisan mudah-mudahan barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam ini jua kiranya datang ke hadapan dengan hormatnya di atas tahta kerajaan majlis to his ... Imperial the ... Imperial Perancis ... iaitu Yang Dipertuan Besyar Maharaja yang maha mulia yang ada bersemayam di atas tahta singgasana kerajaannya di dalam negeri Perancis berkuasa memerintahkan segala daerah takluk selama2nya dengan sejahteranya yang amat setiawan lagi bangsawan serta bijaksana di atas pandai mengambil hati segala sahabat handai taulannya bayan al-qarib wa-al-ba'id maka termasyhurlah namanya kepada sekalian negeri yang ada manusia di dalamnya di atas angin dan di bawah angin yang kepujian semenanya seperti nara setu yang amat harum bahunya ditiup angin nur al-'ashiqin melimpahlah kepada sekalian negeri di dalam dunia segala bangsa apa lagi sebab berikat2an Yang Dipertuan Besar Maharaja Permaisuri Inggeris bertambahlah kakuatan antara kedua pihak tiadalah siapa bangsa yang boleh bandingannya selagi ada perkitaran bulan dan matahari dari itu sebab tulus dan ikhlas saya berjumpa dengan wakil Yang Dipertuan Maharaja yang maha mulia iaitu nama Tuan Montigny¹ itulah sebab berita yang amat sangat elok nama yang kepujian yang saya pun banyak suka mendengar khabar wakil Yang Dipertuan Maharaja yang maha mulia, dari itu sebablah saya hadiahkan sesuatu karis dan dua tumba pakaian cara Melayu tiadalah dengan sepertinya hanyalah tanda berkasih2an serta berpanjangan selama2nya haraplah saya akan diterima Yang Dipertuan Maharaja Yang Maha Mulia barang akan jadi gunanya, wa al-salam.

Termaktub surat ini tujuh belas hari bulan Syaaban yaum al-Ithnin di dalam bandar Singapura sanat 1273 seribu dua ratus tujuh puluh.

English translation:

Light of the sun and the moon

This is a truthful and sincere letter which emanates from a pure unsullied heart, peaceful and clear, which never entertains suspicion and mistrust as long as the sun and moon revolve in the firmament and night follows day, as is the case for all eternity, from me, Engku Temenggung Seri Maharaja of Johor, who is at present on the throne holding the reins of government in the state of Johor, abode of safety and benevolence, may it be conveyed by the Lord of this whole world, entering respectfully into the presence of the throne of His Imperial ... of France ..., that is, His Majesty the Emperor who sits on the throne of state of France, ruling over all the dependencies evermore in peace, who is most loyal and noble and wise in engaging the affections of his friends and neighbours far and near, whose name is renowned in all lands in which mankind is found, in the west and in the east, whose fame is as a

¹ m.t.y.n.y

rare herb whose fragrance is spread by the wind ‘the light of the lovers’, enfolding all the nations of the world and all races, who is furthermore in alliance with Her Majesty the Queen the England, both sides thereby gaining in such strength that no other nation can match them as long as the moon and sun revolve, therefore the reason that in all sincerity and honesty I met with Your Imperial Majesty’s envoy named Mr Montigny is because of the great fame of your illustrious name, and I was greatly pleased to hear news from Your Imperial Majesty’s envoy, and therefore I present a keris and two spears of Malay manufacture, which are not as they should be, merely as a sign of everlasting affection, may they be of some use to Your Imperial Majesty, with greetings of peace.

This letter was written on the seventeenth of Syaaban, on Monday, in the port of Singapore, the year 1273, one thousand two hundred and seventy.

Annabel Teh Gallop, Lead Curator, Southeast Asian Studies

